

**Pandang ke hadapan menerusi perpaduan kepelbagaian masyarakat - PM Najib  
Astro Awani  
Ogos 30, 2016  
Harits Asyraf Hasnan**

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak rakyat Malaysia untuk terus pandang ke hadapan, melangkaui tahun 2030 menerusi perpaduan kepelbagaian masyarakat.

Berucap pada Amanat Hari Kebangsaan 2016, Datuk Seri Najib berkata detik-detik kebersatuan yang ditonjolkan rakyat Malaysia terutama menerusi sukan dan sosiobudaya perlu diteruskan.

"Menjengah ke hadapan pula, kita tidak tiba di titik kemerdekaan enam dekad ini untuk gagal. Malah, kita berhasrat untuk melihat Malaysia terus melangkah jauh sebagai sebuah negara bangsa yang unggul dan dapat dipermegahkan di persada global, bukan setakat ini sahaja, malah menjangkau 2030."

"Menyentuh soal ini, jika ingin melihat Malaysia kekal merdeka, berdaulat, damai dan tersanjung oleh seantero dunia sebagai Bintang Timur yang berkerlipan cahayanya, *Moments of Unity* atau Detik-Detik Kebersatuan, perlu dicambah serta disemarakkan," katanya dihadapan kira-kira 3,000 hadirin di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini pada malam sambutan 31 Ogos.

Beliau antara lain memberi contoh kebersatuan rakyat Malaysia berbilang kaum terserlah tatkala memberi sokongan kepada atlet Malaysia pada temasya sukan terbesar dunia baru-baru ini di Brazil, Olimpik.

Beliau berkata sewaktu perlawanan akhir perseorangan lelaki acara badminton antara jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei dengan pemain China Cheng Long, majoriti penyokong pemain negara terdiri daripada orang Melayu yang bersorak sorai penuh semangat tanda sokongan kepada Raja Badminton Malaysia itu.

"Saya dan isteri turut sama turun padang ke Dataran Putrajaya, untuk menyaksikan saat-saat yang mendebarkan tersebut. Inilah antara satu contoh, *Moments of Unity*, atau Detik-Detik Kebersatuan berasaskan sukan.

"Bersempena itu, marilah kita beri tepukan tahniah kepada Datuk Lee Chong Wei, yang datang pada malam ini. Beliau, buat kali ketiganya menghadiahkan Malaysia pingat

perak pada kejohanan Olimpik 2016. Syabas, syabas Datuk Lee Chong Wei!" katanya.

Dalam ucapannya selama 44 minit itu, Najib berkata di sebalik kisah kejayaan jaguh badminton negara itu, Lee tidak pernah lupa akan budi dan jasa juga bimbingan mentor, merangkap bekas jurulatihnya, yang telah mengasuh dan mendorong kejayaannya iaitu Datuk Misbun Sidek.

"Inilah dia indah dan ajaibnya Malaysia. Semangat kebersatuan dan keeratan, merentasi sempadan kaum, saling bantu membantu, saling harga menghargai.

"Bukan atas nama Orang Melayu, Orang Cina, Orang India, Orang Iban, Kadazan, Murut, Dusun, Orang Asli, penduduk keturunan Siam, ataupun yang lain-lain, namun lebih mulia dan penting dari itu... semua berpadu atas nama Bangsa Malaysia!" katanya.

### **Penghargaan**

Dalam ucapannya itu, Najib turut meminta hadirin supaya memberikan tepukan kepada atlet-atlet yang memenangi pingat pada Sukan Olimpik iaitu pemenang pingat perak acara beregu lelaki badminton Goh V Shem-Tan Wee Kiong dan beregu campuran Chan Peng Soon-Goh Liu Ying, dua ratu terjun negara Pandelega Rinong dan Cheong Jun Hoong yang turut merangkul perak dan jaguh lumba basikal negara Azizulhasni Awang yang memenangi pingat gangsa dalam acara keirin.

Perdana Menteri turut mengambil beberapa contoh lagi berkenaan Detik Kebersatuan seperti Restoran Nasi Kandar paling terkenal di Ipoh yang popular dengan gelaran Vanggey dengan penjual nasi milik India Muslim beroperasi di restoran milik orang Cina dan pelanggan daripada pelbagai kaum.

Kartunis Lat atau nama sebenarnya Datuk Mohammad Nor Khalid pula banyak menonjolkan watak pelbagai kaum dalam karyanya, secara langsung menggambarkan detik kebersatuan manakala filem *Ola Bola* turut membangkitkan semangat kebersatuan rakyat Malaysia melalui semangat pemain negara pelbagai kaum bersatu untuk mengharumkan nama negara di arena bola sepak, katanya.

Beliau berkata banyak lagi faktor yang boleh menjadi pemangkin kepada Detik-Detik Kebersatuan, dan tidak terhenti pada contoh-contoh dalam bidang sukan dan sosio-budaya sahaja.

Tag: [Najib Razak](#), [Perdana Menteri](#), [Amanat Hari Kebangsaan](#), [merdeka](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pandang-ke-hadapan-menerusi-perpaduan-kepelbagaian-masyarakat-pm-najib-115526>